

SAPP kemuka cadangan rasmi ilir Ketua Menteri

KOTA KINABALU, 9 A 2002 - Parti Maju Sabah (SAPP) akan mengemukakan cadangan rasmi berhubung sistem penggiliran Ketua Menteri (KM) Sabah dan formula perkongsian kuasa kepada Pengerusi Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Setiausaha Agung SAPP, Richard Yong, berkata parti itu terharu dengan keprihatinan Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berhubung perkara itu.

"SAPP akan mengemukakan secepat mungkin cadangan formula perkongsian kuasa kepada pucuk pimpinan BN Pusat berhubung perkara itu untuk dibincangkan.

"Pada masa sama, SAPP berte-rima kasih kepada Perdana Menteri yang prihatin berhubung perkara ini," katanya hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Perdana Menteri berkata, SAPP boleh mengemukakan cadangan kepada BN Pusat berhubung sistem peng-

giliran Ketua Menteri Sabah.

Dr Mahathir berkata, BN bersedia mengubah kaedah penggiliran Ketua Menteri Sabah jika menerima cadangan yang sesuai.

Ahad lalu, Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee berkata BN perlu membuat keputusan sebelum pilihan raya negeri akan datang sama ada sistem penggiliran Ketua Menteri Sabah diteruskan atau menggunakan formula baru.

Sistem penggiliran Ketua Menteri diperkenalkan di Sabah selepas pilihan raya negeri 1994. Ia menggilirkan jawatan itu di kalangan pemimpin Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam dan Cina untuk tempoh dua tahun sekali bertujuan mengekalkan kestabilan politik negeri itu.

Sehingga kini, enam pemimpin parti komponen BN Sabah berpeluang menjadi Ketua Menteri berdasarkan sistem penggiliran berkenaan.